

# Pemuda MCA perlu tangkis dakyah lawan

BH 17 JUN 2000

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat – Barisan Pemuda MCA digesa melengkapkan diri secukupnya bagi menangkis dakyah pakatan pembangkang, khususnya Pas, yang cuba memperdaya rakyat dengan memperalatkan sentimen perkauman dan agama.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, berkata barisan Pemuda MCA serta rakan seperjuangan dalam Barisan Nasional (BN) perlu menyedarkan rakyat bahawa hanya BN dapat memenuhi aspirasi masyarakat majmuk di negara ini.

“Pakatan pembangkang hanya peralihan strategi untuk memancing undi masyarakat bukan Melayu dan mereka, khususnya kaum Cina, perlu sedar bahawa Pas mempunyai matlamat tersendiri dalam perancangan politiknya.

“Ternyata bahawa pakatan antara Pas, yang berwawasan mewujudkan negara Islam, dan DAP yang menen-

“ Sikap talam dua muka Pas semakin menyerlah apabila parti itu mula melaksana dasar Islam Pas di kerajaan negeri di bawah penguasaannya tanpa menghiraukan sentimen masyarakat bukan Islam.

”

— Ong Tee Kiat

tang sekeras-kerasnya penguasaan negara Islam, hanya bertujuan memancing undi rakyat untuk kepentingan politik peribadi.

“Sikap talam dua muka Pas ini semakin menyerlah apabila parti itu mula melaksana dasar Islam Pas di kerajaan negeri di bawah penguasaannya tanpa menghiraukan sentimen masyarakat bukan Islam,” katanya pada ucapan pembukaan Perhimpunan Agung

Pergerakan Pemuda MCA ke-37 di sini, hari ini.

Menurut Ong, pentadbiran negara berlandaskan Islam yang sedang diamalkan oleh kerajaan BN sekarang adalah secocok dengan suasana politik negara yang dihuni masyarakat majmuk.

Katanya, perbandingan perlu dibuat antara konsep negara Islam Pas dengan kaedah pentadbiran Islam kerajaan BN bagi membole-

kan rakyat menilai sendiri pucuk pimpinan terbaik yang mampu menjamin kemakmuran dan keamanan.

Walaupun agak sukar bagi Pas menguasai majoriti dua pertiga dalam Parlimen bagi meminda Perlembagaan Persekutuan untuk mewujudkan negara Islam, Ong berkata ia bukan mustahil dan kemungkinan itu tidak wajar dipandang remeh.

Justeru itu, Pemuda BN, khususnya dalam MCA, perlu memainkan peranan penting memastikan golongan muda tidak terpengaruh dengan helah pembangkang bahawa kehidupan mereka tidak akan terjejas dalam pentadbiran negara Islam Pas.

Pada masa yang sama, kata Ong, penekanan perlu diberi terhadap pembanterasannya gejala sosial seperti jenayah remaja dan salah guna dadah, supaya isu terbabit tidak dieksploitasi pihak pembangkang bagi kepentingan peri-

badi.

Tambah beliau, masalah itu tidak boleh diselesaikan menerusi perundangan dan penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya perlu ditangani menerusi bimbingan dan kaunseling dengan menganjurkan pelbagai kegiatan yang bermanfaat pada remaja.

Sehubungan itu, Pemuda MCA, yang dianggotai 260,000 ahli akan bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk menyelaras program belia pada peringkat akar umbi bagi memastikan pembabitannya menyeluruh semua lapisan generasi muda.

Kata Ong, keprihatinan menangani masalah sosial secara proaktif mampu mengelakkan parti pembangkang mengeksploitasi penerangan gejala itu bagi mengiktiraf perjuangan mereka ke arah mewujudkan negara Islam Pas.

Selain itu, beliau turut

mengingatkan barisan pemuda supaya tidak ketinggalan mengikuti perkembangan teknologi maklumat (IT), globalisasi dan liberalisasi ekonomi dunia serta selok-belok e-dagang di samping aktif berpolitik.

Katanya, penguasaan teknologi baru itu adalah penjana kepada pucuk pimpinan BN yang diterajui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk memasuki alaf baru dengan penuh yakin dan berdaya saing tinggi.

Tambah beliau, negara harus bersedia menghadapi cabaran dunia perdagangan bebas bagi menguasai paasaran antarabangsa apabila konsep Kawasan Dagangan Bebas Asia (Afta) mula diumumkan pada 2002.